

Dr Lim, Kerk tidak dicabar

PETALING JAYA, Rabu — Presiden Cerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Timbalannya, Kerk Choo Ting, dijangka tidak akan dicabar pada pemilihan parti itu, 5 Oktober ini.

Naib Presidennya, Datuk Dr S Vijayaratnam, berkata pemilihan ahli Jawatankuasa Pusat (CC) parti itu, yang akan diadakan pada hari pertama Persidangan Perwakilan Nasional (NDC) Gerakan ke-31, juga akan memilih tiga naib presiden dan 18 ahli cc.

Beliau berkata, penamaan calon untuk pemilihan itu akan diadakan mulai jam 10 pagi hingga 12 tengah hari pada 28 September ini.

“Pemilihan pada peringkat

DAWAN WAWASAN
25 AUG 2007

Kawasan yang diadakan pada Mac dan April lalu serta bahagian pada Mei hingga Jun lalu dan negeri pada Julai dan bulan ini, berjalan lancar.

“Persaingan hanya berlaku di Sabah dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur). Kawasan lain secara amnya baik,” katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Vijayaratnam berkata, mesyuarat CC yang diadakan bulan depan dijangka membincangkan persiapan dan resolusi persidangan itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan merasmikan NDC ke-31 pada jam 10 pagi di Dewan Wawasan, Menara PGRM di sini, 5 Oktober ini.